

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN ASNAF LUAR BANDAR DI NEGERI PAHANG

(DEVELOPMENT OF RURAL ASNAF ENTREPRENEURS IN Pahang)

**Mohd Afandi bin Mat Rani^a, Muhammad Syahrul Deen Bin Ahmad Rosli^b,
Shofiyyah Moidin^c, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arifnd, Faezy Adenan^e,
Nurul Farhanah Binti Khairuldin^{*f}**

^a Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Shah Alam, mohdafandi@uitm.edu.my

^b Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Shah Alam, syahruldeen@uitm.edu.my

^c Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Shah Alam, shofiyyah@uitm.edu.my

^d Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Shah Alam, izzatamsyar@uitm.edu.my

^e Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Shah Alam, faezyadenan@uitm.edu.my

^{*Corresponding Author:} farhanah2411@gmail.com

Article info	Abstrak
<p>Received: 01/06/2020 Received in revised form: 30/11/2020 Accepted: 02/12/2020 Available online: 04/12/2020</p>	<p><i>Keusahawanan luar bandar perlu diberi perhatian yang serius khususnya bagi melahirkan usahawan terutama dari kalangan asnaf zakat. Usahawan yang berkualiti mampu mengubah status masyarakat sekeliling ke arah ekonomi dan sosial yang lebih baik serta berdaya saing. Aktiviti keusahawanan asnaf dilihat masih gagal untuk menarik minat dari generasi muda, dan beberapa sebab telah dikenalpasti termasuk kekurangan pengetahuan tentang perniagaan, latihan dan modal permulaan. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan keperluan usahawan zakat pedalaman dan menganalisis faktor kejayaan dan cabaran usahawan asnaf pedalaman di Pahang. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metod pengumpulan data dan analisis data. Metod pengumpulan data dilakukan melalui perpustakaan. Kajian ini turut menggunakan kajian lapangan melalui metod temu bual dan metod pemerhatian. Hasil kajian mendapati terdapat keperluan kepada kerangka pembangunan usahawan asnaf sebagai satu inisiatif untuk membangunkan taraf sosio-ekonomi masyarakat di negeri Pahang, khususnya di kawasan pedalaman.</i></p>
<p>Keywords: <i>asnaf luar bandar ekonomi Pahang pembangunan usahawan asnaf</i></p> <p><i>rural Asnaf, economic, development, asnaf entrepreneurs</i></p>	<p>Abstract</p> <p><i>Rural entrepreneurship needs to be given serious attention particularly to create entrepreneurship especially among zakat asnaf. A quality entrepreneurs will be able to enhance the community status toward a better economic and social status as well as to be more competitive. Activities of asnaf entrepreneurship is said to be still unable to generate interest among the young generation, and several reasons have been identified which include lack of knowledge in business, training and capital. Therefore, the objectives of this research is to highlight the need of rural zakat entrepreneurs and to analyse the factors for success and challenges faced by rural asnaf entrepreneurs in Pahang. This is a qualitative research using data collection method and data analysis. Data collection method is done via library. This research also used field research by interview method and the observation method. The findings show that there are needs to establish the framework of developing asnaf entrepreneurs as an</i></p>

	<i>initiative to develop the social- economic level of communities in Pahang, particularly in the rural areas.</i>
--	--

PENDAHULUAN

Zakat memainkan peranan penting bagi membantu golongan fakir miskin memenuhi keperluan hidup, memperbaiki taraf pendapatan, membasmi kemiskinan dan seterusnya merapatkan jurang pendapatan di antara golongan kaya dan golongan miskin. (Sanep Ahmad, 2012). Di Malaysia, institusi zakat dan Baitul mal menggunakan dua kaedah untuk menyalurkan bantuan kepada golongan asnaf. Pertama, pengagihan secara tidak produktif yang bertujuan untuk membantu fakir miskin meneruskan kehidupan supaya dapat memenuhi keperluan asas yang dihajatkan. Contoh bantuan yang berikan ialah bentuk saraan bulanan, bantuan khas bayaran sewa rumah dan bantuan pendidikan. Kedua, bantuan produktif yang berbentuk modal sama ada dalam bentuk tunai atau pun peralatan (Nurul Ilyana, 2017 & Fatimah Salwa, 2015). Bantuan modal ini bertujuan untuk membantu golongan asnaf fakir dan miskin mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik iaitu daripada golongan penerima kepada golongan pembayar zakat.

Oleh demikian, untuk membentuk dan membantu para belia yang terkelompok di kalangan asnaf bagi menjadi usahawan yang berjaya, zakat merupakan instrumen yang signifikan untuk dimanfaatkan. Pembangunan ekonomi golongan asnaf perlu dinilai sebagai satu isu yang serius, dan tidak boleh ditangani secara bermusim. Oleh itu, satu model kerangka pembangunan ekonomi berlandaskan konsep zakat sebagai perancangan projek jangka pendek dan jangka panjang dalam program-program pembangunan golongan ini perlu diwujudkan.

SOROTAN LITERATUR

Usahawan asnaf merupakan golongan asnaf dalam kategori fakir dan miskin yang ingin ditransformasikan daripada asnaf bukan produktif kepada asnaf produktif melalui platform keusahawanan. Golongan ini akan diberikan bantuan dan perhatian sepenuhnya oleh institusi zakat (Sanep, 2012). Menurut Isma Addi Jumri (2011), usahawan asnaf boleh didefinisikan sebagai individu yang melalui proses penciptaan usaha niaga, mampu memikul tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat. Proses penciptaan usaha niaga merupakan fasa atau peringkat tertentu yang perlu dilalui sebelum golongan ini menjadi usahawan dengan bantuan, dorongan dan bimbingan daripada institusi zakat di negeri masing-masing.

Kajian penyelidikan tentang keusahawanan asnaf telah mendapat perhatian daripada sarjana-sarjana tempatan yang memfokuskan penyelidikan mereka terhadap asnaf fakir dan miskin sejak tahun 2000. Kajian keusahawanan mula memfokuskan kepada faktor yang menjadi asas kepada pembangunan dan kejayaan seseorang usahawan agar lebih ramai para usahawan yang berjaya mampu diwujudkan (Mohamad, 2000 & Yusof, 2000). Seterusnya kajian dilakukan oleh Hisham & Zulkifli pada tahun 2006 yang membincangkan tentang Zakat Sebagai Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan (Hisham & Zulkifli, 2006).

Kajian-kajian yang dijalankan oleh para sarjana lebih tertumpu di kawasan-kawasan bandar. Keadaan ini tidak dinafikan kerana pusat penjana ekonomi adalah di kawasan bandar di samping kos sara hidup yang sangat tinggi. Kewujudan miskin bandar yang begitu tinggi sehingga melayakkan mereka sebagai penerima zakat dan tergolong dalam kumpulan asnaf zakat. Melalui faktor-faktor ini maka tidak dinafikan penumpuan program keusahawanan asnaf tertumpu dan dilaksanakan di kawasan bandar. Namun demikian, pembangunan di luar bandar juga turut perlu ditekankan agar kemajuan di luar bandar dan bandar perlu diseimbangkan dari pelbagai aspek terutama sosio-ekonomi.

Program usahawan asnaf dilihat sebagai satu alternatif yang baik untuk memajukan ekonomi para asnaf. Beberapa cadangan telah dilaksanakan dipelbagai negeri di Malaysia boleh dijadikan contoh untuk penambahbaikan program asnaf usahawan ini. Antaranya Hashim Ahmad (2014) telah mencadangkan satu program Hybrid Asnaf Entrepreneursip Program. Program ini mempunyai dua fokus utama. Pertama, bantuan bagi memenuhi keperluan harian seorang asnaf, di mana dana yang digunakan bagi membiayai kos ini diambil daripada dana zakat itu sendiri. Kedua, bantuan bagi asnaf yang

memerlukan bantuan perniagaan. Sumber dana yang kedua pula diambil dari sumber waqaf, sumbangan, geran kerajaan, corporate social responsibility (CSR) fund dan lain-lain. Dana ini cara pengagihannya ialah pinjaman micro-credit dan bayaran balik berdasarkan standard of operating procedures (SOP) (Hasyim Ahmad, 2014).

Manakala Nordin & Che Ahmat (2019) telah mencadangkan agar usahawan asnaf membuat transformasi dalam memasarkan produk iaitu dengan menggunakan strategi e-pemasaran. Berdasarkan strateginya, beliau telah membahagikan beberapa fasa penting iaitu fasa pertama ialah fasa penetapan objektif dan matlamat oleh institusi zakat. Fasa kedua ialah kajian situasi. Seterusnya, fasa ketiga ialah perumusan strategi. Fasa terakhir ialah fasa peruntukan sumber dan pemantauan. Manakala di negeri Pahang, Pusat Kutipan Zakat telah mengambil satu inisiatif bagi mempromosikan produk-produk yang dikeluarkan oleh usahawan asnaf agar mampu bersaing di pasaran tempatan mahupun di luar negara menerusi applikasi BizZakat.my. (Izzatul Akmar Nordin 2019).

Seterusnya di negeri Selangor pihak LZS dan Pulau Pinang PUZPP turut mengambil beberapa langkah proaktif dengan memantapkan lagi program pemantauan ini untuk memastikan kejayaan usahawan asnaf. Pihak zakat diharap dapat menambah dan kemahiran kakitangan untuk memantau perjalanan program ini. Kajian juga mendapati, tumpuan harus juga diberikan kepada pembangunan diri usahawan asnaf bagi memastikan mereka benar-benar berpengetahuan dan berkemahiran untuk menjadi usahawan yang berjaya (Azman Ab Rahman, 2014).

Di Terengganu, antara cadangan lain yang difikirkan sesuai adalah pihak institusi zakat seperti MAIDAM perlu terus memantau usahawan asnaf agar mereka dapat mengekalkan prestasi perniagaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, pihak MAIDAM juga boleh menganjurkan program keusahawanan kepada usahawan asnaf yang berpotensi contohnya, projek usahawan berkelompok dengan menubuhkan bengkel luar dan menyediakan tempat perniagaan. Selain itu, dicadangkan juga untuk usahawan asnaf mewujudkan jaringan sosial dan kukuh dikalangan rakan perniagaan dan masyarakat (Marzuki et. al, 2019).

Pihak institusi zakat juga boleh mengadakan kempen keusahawanan dengan mewarwarkan tentang kejayaan seseorang usahawan asnaf agar menjadi peransang kepada asnaf-asnaf lain untuk turut sama menyertai bidang keusahawanan. Pihak institusi zakat juga boleh membuat kempen secara besar-besaran kepada setiap usahawan terutamanya usahawan sosial berjaya untuk turun padang dan memberi kata penguat kepada usahawan asnaf yang masih bertatih dalam bidang perniagaan (Muin & Abdullah, 2016). Di Pahang pihak MUIP juga telah menganjurkan Karnival Usahawan Asnaf Negeri Pahang pada 2018 bagi mempromosikan hasil program kursus dan latihan kemahiran ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan, temubual individu dan kumpulan fokus. Temubual pakar rujuk dalam bidang zakat dan keusahawanan akan melibatkan ahli akademik, pegawai zakat dan sebagainya. Manakala, temubual berfokus akan melibatkan komuniti usahawan asnaf di kawasan pedalaman mengikut kesesuaian. Kajian perpustakaan memfokuskan kepada bahan bacaan ilmiah yang merupakan sumber sekunder. Metod Dokumentasi digunakan untuk mendapatkan sumber primer bagi kajian kes. Segala dokumen yang diperolehi seperti laporan tahunan, laporan kewangan, surat rasmi dan sebagainya akan dikaji, difahami dan dianalisis. Kajian ini turut menggunakan kajian lapangan melalui metod temu bual dan metod pemerhatian.

PROGRAM KEUSAHAWANAN ASNAF ZAKAT PEDALAMAN

Keusahawanan luar bandar perlu diberi perhatian yang serius khususnya bagi melahirkan usahawan terutama dari kalangan asnaf zakat. Zakat jelas membantu dalam memenuhi keperluan ekonomi fakir miskin yang merupakan kelompok majoriti sebahagian besar negara di dunia. Ini juga menunjukkan hikmah disebalik pensyariatan zakat iaitu satu pengurusan yang mampu memperbaiki kedudukan masyarakat dari sudut moral dan material. Ia juga merupakan benteng keamanan di dalam sistem ekonomi Islam (Ab Rahman et. al, 2014).

Sehubungan dengan itu, di Malaysia Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah merangka Pelan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 yang mempunyai enam strategi utama. Antara yang difokuskan adalah keusahawanan, pemeraksanaan usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif. Mewujudkan bank data KPLB, mewujudkan road map usahawan luar bandar, mewujudkan usahawan rantaian, mewujudkan usahawan luar bandar berteraskan teknologi dan inovasi dan mempromosikan program keusahawanan luar bandar. (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2018)

Bagi menjayakan agenda pembangunan negara ini, Penyelidikan Lestari SDG Triangle 2019 telah mula memfokuskan kepada kajian di kawasan pedalaman atau pinggiran bandar dengan memfokuskan kepada kajian di Taman Negara Kuala Tahan di daerah Jerantut. Kajian seperti ini sangat relevan dengan keperluan semasa, malah tidak terdapat kajian secara komprehensif berkaitan pembangunan keusahawanan di negeri Pahang, amnya dan khususnya di Kuala Tahan. Sebahagian besar kajian-kajian yang dilakukan adalah melibatkan negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan (Abai, 2020, Adnan & Roselam, 2019 & Meerangani & Azman, 2019).

Kemiskinan luar bandar adalah satu isu ekonomi yang sentiasa menjadi perhatian semua pihak. Kerajaan, institusi dan individu telah mempromosikan perusahaan luar bandar sebagai potensi pekerjaan dan instrumen untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar (Dabson, 2001). Dalam menangani kemiskinan pelbagai usaha telah dilakukan. Antaranya melalui sumbangan bantuan zakat. Zakat keusahawanan dikenalpasti sebagai alternatif berbanding zakat sara diri. Justeru, keusahawanan adalah aktiviti penggerak ekonomi utama yang memberikan nilai-nilai impak sosial yang positif. Keusahawanan merangsang pertumbuhan ekonomi menerusi pengetahuan dan peningkatan persaingan perniagaan.

Daya keusahawanan memerlukan kepada ekosistem dan nilai yang membolehkan usahawan mampu bermandiri di dalam iklim ekonomi yang tidak menentu dan semakin rumit dengan adanya revolusi industry 4.0 yang mewujudkan persaingan global menerusi megatrend, e-dagang, *big-data* dan teknologi kewangan (fintech). Ini merupakan satu cabaran bagi usahawan tempatan, terutamanya yang tidak terdedah dengan akses teknologi dan corak perniagaan semasa. Antara yang menjadi kebimbangannya adalah usahawan luar bandar. Ini kerana, tenaga kerja luar bandar mengalami masalah kemahiran yang rendah, kekurangan kepelbagaian kemahiran, kekurangan professional dalam bidang pengurusan dan perniagaan, dan ketidaksesuaian struktur antara pekerjaan dan sumber manusia yang ada. Namun, kajian-kajian yang lepas menunjukkan bahawa tahap penyertaan komuniti dalam bidang keusahawanan terutamanya di kawasan luar bandar adalah masih rendah. Dengan kuasa beli yang kurang dan pasaran yang tidak menggalakkan menyebabkan keusahawanan luar bandar lebih mencabar. Anggota komuniti pedalaman tidak dibiasakan dengan persekitaran dan sistem latihan perniagaan bercorak industri yang berkonsepkan kepada perancangan, membuat keputusan, pelaporan aktiviti dan kawalan faktor ekonomi.

Bermula pada tahun 1991, penghijrahan besar-besaran telah berlaku hasil daripada pertumbuhan industri di bandar-bandar utama. Akibatnya kadar kemiskinan di luar bandar lebih tinggi iaitu sebanyak 1.0% berbanding 0.2% di bandar dalam masa yang sama purata kemiskinan adalah 0.4%. Ini bermakna wujud jurang ketaksamaan kuasa beli yang tinggi diantara bandar dan luar bandar secara signifikan. Manakala kadar kemiskinan tegar di kawasan luar bandar lebih tinggi iaitu 0.6 peratus berbanding 0.1 peratus di bandar (KPLB Malaysia, 2018). Ketidaksamaan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh fakta bahawa penduduk bandar pada umumnya mempunyai akses kepada pekerjaan berpendapatan tinggi sementara penduduk luar bandar bergantung banyak kepada aktiviti ekonomi berpendapatan rendah.

Friedman (1987) dan Mackenzie (1992) menyatakan bahawa salah satu daripada langkah-langkah utama untuk merencanakan pembangunan ekonomi dan seterusnya kesejahteraan hidup kawasan luar bandar adalah dengan meningkatkan aktiviti keusahawanan luar bandar. Kepentingan bantuan kerajaan untuk kejayaan perniagaan kecil pedalaman juga dibincangkan dalam beberapa kajian lepas. Sarder, et al., (1997) menjalankan kajian 161 perusahaan kecil di Malaysia dan mendapati firma yang

menerima perkhidmatan sokongan, seperti pemasaran, pendidikan dan latihan pengurusan, teknikal, lanjutan dan perundingan, maklumat, dan kemudahan umum dari agensi awam atau swasta mengalami peningkatan ketara dalam jualan, pekerjaan dan produktiviti. Manakala pada tahun 2018, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah merangka Pelan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 yang mempunyai enam strategi utama iaitu menambah baik mekanisme bantuan.

Justeru, keusahawanan luar bandar perlu diberi perhatian yang serius khususnya bagi melahirkan usahawan dari kalangan asnaf zakat. Zakat jelas membantu dalam memenuhi keperluan ekonomi fakir miskin yang merupakan kelompok majoriti sebahagian besar negara di dunia. Ini kerana hikmah disyariatkan zakat ialah pengurusan yang mampu memperbaiki kedudukan masyarakat dari sudut moral dan material. Ia juga merupakan benteng keamanan di dalam sistem ekonomi Islam.

PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI MELALUI PROGRAM USAHAWAN ZAKAT

Dalam usaha membangunkan taraf sosio-ekonomi masyarakat, pelbagai insentif dan kaedah digunakan bagi memenuhi kebajikan dan keperluan masyarakat daripada segi kuasa beli, kemampuan dalam kelestarian hidup, serta mampu bertahan di dalam iklim ekonomi yang sentiasa berkembang dan berubah. Antara entiti yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan ekonomi masyarakat adalah aktiviti keusahawanan (Atef, 2015). Keusahawanan adalah penjana aktiviti utama ekonomi yang menggabungkan faktor pasaran dalam menghasilkan pengeluaran kepada masyarakat, dalam masa yang sama memberikan keuntungan kepada kerajaan menerusi pembayaran cukai. Ia melahirkan peluang pekerjaan kepada masyarakat di samping membangunkan sebuah ekosistem ekonomi yang mapan dan lestari berdasarkan kepada perkembangan pengaliran kewangan dalam masyarakat. Keusahawanan yang berkualiti harus dapat mengubah masyarakat ke arah ekonomi dan sosial yang lebih baik dan berdaya saing. Ia memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi di seluruh dunia, termasuk Malaysia yang merupakan negara membangun.

Islam juga meletakkan usaha dalam keusahawanan sebagai satu kebajikan yang beroleh ganjaran di akhirat. Menerusi hadith riwayat Muslim daripada Anas r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Tidak ada seorang muslim pun yang menanam pokok atau mengusahakan keusahawanan lalu burung, manusia atau binatang memakan daripadanya kecuali akan menjadi sedekah untuknya.”

(al-Bukhari dan Muslim; HR Tirmizi No: 1303).

Al-Nawawi (1416) menjelaskan hadith ini mengenai kebaikan dalam perusahaan keusahawanan, serta kebajikan yang boleh didapati daripada hasil keusahawanan tersebut. Pahala orang-orang yang bercucuk tanam akan terus menerus selagi adanya tumbuhan tersebut sehingga kiamat. Manakala para ulama khilaf dalam memahami apakah aktiviti ekonomi yang terbaik, Namun, pendapat yang paling kuat adalah dengan aktiviti perdagangan dan jual beli.

Golongan asnaf yang memiliki kekuatan fizikal dan mental serta mampu melakukan pekerjaan, seharusnya diberikan bantuan zakat yang produktif termasuk dalam bentuk bantuan modal bagi membolehkan mereka berdikari menjalankan usaha sehingga mampu keluar daripada kitaran kemiskinan (Patmawati, 2005). Oleh itu, dana zakat diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan produktiviti masyarakat miskin yang pada akhirnya mereka dapat meningkatkan taraf hidupnya (Ahmed, 2004). Masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan golongan asnaf termasuk kekurangan pengetahuan, latihan dan modal permulaan (Sukor, 1990, Norsida, 2008). Tanpa ilmu, latihan dan modal sewajarnya, kebanyakan golongan asnaf melihat keusahawanan sebagai usaha berisiko tinggi dan dihalang oleh risiko kegagalan.

Usahawan adalah seorang yang bercirikan inovatif, pandai mencari peluang serta berani untuk menanggung risiko. Anjakan paradigma yang telah dilakukan oleh beberapa institut zakat di Malaysia telah memainkan peranan dalam merencanakan lagi ekonomi golongan asnaf. Antara institut zakat yang memulakan langkah untuk membangunkan ekonomi asnaf bercorakkan program keusahawanan asnaf adalah Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan juga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Pemberian modal perniagaan kepada golongan asnaf adalah satu lonjakan baru yang telah dilakukan oleh LZS dan MAIWP dalam pengagihan. Dengan pemberian modal perniagaan ini, golongan asnaf boleh memanfaatkan modal perniagaan ini dengan melakukan perniagaan. Sejurus dapat mengeluarkan diri mereka daripada kelompok asnaf. Walaubagaimanapun, anjakan paradigma yang telah dilakukan oleh beberapa institut zakat dalam pengagihan zakat dalam bentuk modal tidak mempunyai satu model yang khusus untuk dirujuk serta menjadi dasar kepada pembangunan ekonomi bagi golongan asnaf di Malaysia. (Azman Ab Rahman, 2014)

Selaras dengan itu, Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) diperkenalkan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030. Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah serta terus membangun secara mapan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif, seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia. Oleh demikian, golongan asnaf khususnya golongan luar bandar dan pedalaman tidak wajar dipinggirkan. Dalam melahirkan yang usahawan asnaf zakat yang berjaya, lima objektif utama yang ditetapkan di bawah DKN perlu direalisasikan:

- 1) Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosio-ekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mapan.
- 2) Membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan Meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif.
- 3) Mempertingkatkan keupayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi.
- 4) Menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan
- 5) Mengambil kira perkembangan ekonomi global, pencapaian keusahawanan semasa serta isu dan cabaran dalam mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif di Malaysia

Ciri-ciri untuk menjadi usahawan asnaf adalah sama dengan ciri-ciri seorang usahawan. Namun, terdapat sedikit penambahan bagi ciri-ciri usahawan ini. Menurut Mohd Abdul Wahab Fatoni (2008) antara ciri tersebut ialah asnaf yang ingin menjadi usahawan ialah mereka yang ingin berdikari tanpa mengharapkan bantuan orang lain pada masa hadapan. Setiap asnaf perlu yakin terhadap kebolehan diri sendiri bagi mengubah kehidupan mereka. Oleh itu, usahawan asnaf tersebut perlulah gigih berusaha dan tidak mudah putus asa dengan cabaran hidup yang pernah dilalui. Asnaf yang ingin maju dan tidak terus ketinggalan tidak dapat lari daripada kewajipan memperbaharui sikap, minda dan jiwa raga serta menanam semangat keusahawanan. Asnaf yang menjadi usahawan adalah mereka yang benar-benar bertekad untuk mengubah kehidupan lama dan keluar dari kepompong kemiskinan.

FAKTOR KEJAYAAN ZAKAT KEUSAHAWANAN DI MALAYSIA

Kajian mengenai kejayaan usahawan asnaf telah banyak dilakukan. Antara menjadi fokus utama dalam kajian tersebut adalah faktor kejayaan zakat usahawan. Usahawan memerlukan tiga elemen utama untuk berjaya iaitu pembangunan usahawan, mengurus perubahan dalam kehidupan usahawan dan profil usahawan itu sendiri (Rosbi Abd Rahman, 2011). Proses utama dalam pembangunan usahawan ialah mencari peluang persediaan, membina modal, pencarian pasaran mengukuhkan modal. Manakala dalam aspek menguruskan perubahan, seseorang usahawan itu perlu berkorban melakukan perubahan hidup dan mencari pengetahuan dalam menguruskan kakitangan dan perniagaan. Sementara dari segi profil, usahawan perlu mempunyai keyakinan diri, mengenal pasti peluang yang terbaik untuk direbutkan seorang yang komitmen dan bekerja keras (Muhammad Rizal Jalil, 2015).

Selain itu, Sanep Ahmad, (2012) mengatakan secara umumnya faktor kejayaan usahawan tertumpu kepada dua aspek utama iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merupakan ciri-ciri individu yang boleh membentuk sifat keusahawanan individu bagi memastikan kejayaan ialah gaya hidup dan budaya pergaulan harian (Sanep Ahmad, 2012). Sepertimana kajian (Fatimah Salwa, 2014, Muhammad Haris Riyaldi, 2012) mendapati bahawa ciri keperibadian usahawan itu sendiri terutamanya nilai agama yang diterapkan dalam kehidupan seharian contohnya bersedekah, jujur, amanah, sabar dan menjaga solat merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi kejayaan usahawan. Manakala, Faktor luaran pula seperti ilmu pengetahuan, kemahiran, bantuan zakat, bantuan

kerajaan dan bukan kerajaan serta minat turut menyumbang kepada kejayaan usahawan dalam perusahaan yang dibangunkan.

Melalui kajian Suhaila Nadzri (2016), minat, pendidikan dan bantuan dari Lembaga Zakat penting dalam melahirkan usahawan asnaf berjaya. Seseorang itu tidak dilahirkan sebagai seorang usahawan dan ciri-ciri keusahawanan tidak boleh diwarisi. Tapi yang pasti seorang usahawan haruslah mempunyai minat yang mendalam agar kesungguhannya untuk memajukan perniagaannya dapat ditingkatkan dan tidak berputus asa. Seterusnya, pendekatan keilmuan dan pendidikan adalah mekanisma yang paling berkesan untuk merapkan budaya keusahawanan kerana pendidikan meliputi kemahiran, pengetahuan dan sikap yang membantu seseorang individu merancang masa depan serta berkemahiran dalam menyelesaikan masalah (Isma Addi Jumbri, et al, 2011). Kejayaan usahawan asnaf sudah pastinya bertitik tolak dari bantuan dan sokongan dari Lembaga zakat. Bantuan modal diberikan kepada golongan asnaf fakir, miskin dan muallaf bersesuaian dengan potensi perniagaan dan jenis bantuan (Ab Rahman et. al, 2014).

Dalam kajian Nurmaizura Marzuki, mendapati bahawa dua faktor yang berhubung secara positif dan signifikan, perlu difokuskan berdasarkan kajian pengkaji yang dijalankan di daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu iaitu faktor umur dan tempoh berniaga. Faktor umur menunjukkan usahawan asnaf yang lebih berumur lebih Berjaya berbanding usahawan muda. Pengkaji mengandaikan bahawa usahawan muda masih belum mempunyai banyak pengalaman dan kurang diberi pendedahan dalam kepentingan perniagaan. Selain itu, tempoh berniaga juga menunjukkan kebarangkalian untuk usahawan itu Berjaya itu memerlukan tempoh perniagaan melebihi 5 tahun (Marzuki, et al 2017).

Faktor kejayaan usahawan asnaf zakat lebih kepada mencari keberkatan dan keredhaan Allah dengan mengamalkan nilai-nilai agama dalam kehidupan seharian sama ada sebagai hamba Allah atau sebagai seorang peniaga. Kajian terhadap usahawan asnaf yang menerima bantuan modal dari Lembaga Zakat Selangor mendapati bahawa usahawan lebih berjaya dengan mengamalkan nilai-nilai yang diajarkan oleh agama. Contohnya, berusaha mencari rezeki yang halal, jujur dalam tindakan, tidak khianat dan lain-lain (Fatimah Salwa dan Joni Tamkin 2013).

CABARAN KEUSAHAWANAN ASNAF ZAKAT

Tidak dinafikan untuk berjaya banyak cabaran yang perlu dihadapi sepanjang menjalankan sesebuah perniagaan dalam industri ekonomi sejak dahulu lagi. Untuk bertahan dalam industri perniagaan yang dijalankan sama ada dalam bentuk perniagaan kecil-kecilan sehingga jenis industri besar bertaraf antarabangsa, bukanlah satu perkara mudah dilakukan sehingga banyak hal yang perlu dilakukakan agar sesuatu perniagaan bertahan sehingga ke hari ini. Ramai usahawan hari ini jika diselidiki, mereka tetap mengatakan bahawa untuk berjaya sangat sulit untuk diperkatakan, kerana hanya mereka yang terlibat dalam industri berkenaan yang tahu tentang cabaran yang perlu mereka hadapi sebelum mencapai matlamat perniagaan mereka.

Kajian tentang cabaran yang dihadapi oleh usahawan asnaf telah ramai dikaji dan mereka turut memberi pendapat dan pandangan tentang permasalahan yang dihadapi di kalangan usahawan. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh usahawan adalah dari segi sikap usahawan, sumber modal, persaingan, teknologi, globalisasi, fenomena luar jangka seperti cuaca, krisis ekonomi dan lain-lain (Maryrilyn Amirul, 2017).

Walau bagaimanapun, kajian Alias Mat Nor (2019) mendapati faktor modal, pekerja yang baik, dan sokongan dari masyarakat sekeliling menjadi faktor yang kurang penting dalam kejayaan asnaf di dalam aktiviti perniagaan. Ini menunjukkan bahawa, asnaf mampu berjaya jika mereka mempraktikkan nilai-nilai Islam di dalam kehidupan dan perniagaan mereka, mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi, serta mempunyai pengurusan yang sangat baik. (Hadi & Borhan, 2013).

Kajian Suraiya Ishak (2012) mendapati bahawa cabaran yang dihadapi oleh usahawan asnaf ialah kekurangan pusingan modal, tidak mempunyai strategi perniagaan, lokasi tidak strategik, kenaikan

kos bahan dan kekurangan pekerja. Masalah kekurangan pusingan modal boleh membawa kepada batasan dalam usaha untuk mengembangkan perniagaan untuk masa akan datang.

Sebahagian daripada usahawan asnaf menyertai program dengan motivasi perniagaan yang rendah di mana modal perniagaan yang diperoleh daripada institusi zakat dilihat sebagai jalan untuk keluar dari kemulut kewangan untuk jangka pendek, tanpa melihat peluang jangka panjang untuk keluar dari kemulut kepompong kemiskinan. Faktor tidak membayar semula bantuan yang diberikan oleh pihak institusi zakat telah mempengaruhi komitmen peserta untuk meneruskan program dengan bersungguh-sungguh dan akhirnya mereka terkandas di tengah jalan. Prestasi institusi zakat juga mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program ekonomi ini. Masalah kekurangan kakitangan khususnya yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang keusahawanan menyebabkan pihak zakat terpaksa mendapatkan perkhidmatan daripada pihak konsultan membabitkan latihan kemahiran, saringan pemilihan peserta serta pemantauan berkala. Masalah ini perlu diperbaiki agar para peserta berjaya mendapatkan khidmat nasihat, bimbingan dan pemantauan secara sistematik dan efektif (Azman Ab Rahman, 2014; Meerangani & Azman, 2019).

Justeru cabaran-cabaran ini secara tidak langsung menjadi asbab penyumbang kepada kayu ukur prestasi perniagaan dalam kalangan asnaf zakat sama ada berjaya mahupun gagal. Sekiranya cabaran ini dapat diatasi dengan baik, kebolehan para asnaf usahawan boleh digilap malah mampu menjadi 'asnafpreneur' yang berdikari dan berjaya seterusnya keluar daripada kelompok penerima zakat kepada pembayar zakat.

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN ASNAF DI NEGERI PAHANG

Di negeri Pahang, sebagaimana juga di negeri yang lain MUIP turut sama melibatkan para asnaf terlibat dengan program keusahawanan. Namun hasil pemerhatian awal mendapati MUIP tidak meletakkan target tertentu dalam program keusahawanan asnaf. Begitu juga dari aspek bajet program keusahawanan asnaf, tidak ada peruntukan khusus yang disediakan dan hanya bergantung kepada permohonan dan permintaan daripada golongan asnaf. Bantuan yang disalurkan adalah dalam bentuk bantuan modal dan peralatan melalui kursus-kursus dan latihan kemahiran menjana pendapatan asnaf yang disediakan oleh MUIP. Sehingga tahun 2019, program-program yang dilaksanakan oleh MUIP adalah untuk memberi pendedahan perniagaan kepada asnaf zakat secara kecil-kecilan dan belum mencapai kepada tahap kategori usahawan.

Kajian ini mendapati bahawa 80% yang terlibat dengan program keusahawanan asnaf adalah terdiri daripada kalangan wanita yang berumur sekitar 40-an iaitu seramai 64 orang. Manakala, peserta asnaf lelaki seramai 16 orang dengan peratusan 20%. Produk yang dihasilkan adalah berbentuk makanan dan kuih muih seperti kek, roti, keropok dan sebagainya (Ezakat MUIP, 2019).

Bantuan modal dan peralatan yang disediakan kepada golongan asnaf yang berkelayakan bagi membantu usaha menambahkan pendapatan selain bantuan sara hidup yang dipohon. Bantuan jana pendapatan untuk berniaga secara kecil-kecilan untuk meningkatkan pendapatan bagi menampung keperluan keluarga seterusnya dapat mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan. Antara bantuan yang diterima ialah peralatan mesin jahit, peralatan nelayan, peralatan gerai, motosikal tiga roda dan sebagainya. Dalam tempoh 4 tahun 2015 sehingga 2018 MUIP telah membelanjakan sebanyak RM 1,225.552 juta sebagai bantuan modal dan peralatan dengan melibatkan seramai 549 orang. Daerah Jengka adalah yang tertinggi iaitu seramai 101 orang yang terlibat dengan program bantuan modal dengan bantuan modal sebanyak RM199,500.00. Kemudian diikuti daerah Kuantan seramai 92 orang yang terlibat dengan program bantuan modal sebanyak RM 236, 792.00. Kemudian diikuti oleh daerah Pekan seramai 84 orang.

Jumlah bantuan yang diberikan oleh MUIP adalah sebanyak RM167,400.00. di daerah Rompin seramai 65 orang asnaf penerima bantuan modal dengan jumlah RM144,250.00. Di daerah-daerah lain penyertaan dalam program ini sangat tidak memberangsangkan. Di daerah Muazzam Shah sebagai contoh hanya 21 orang yang menyertai program bantuan MUIP untuk menjalankan perniagaan dalam

tempoh 4 tahun. Malah, daerah Jerantut, Lipis dan Cameron Highlands menunjukkan bilangan asnaf zakat yang berminat menyertai bantuan modal dan peralatan MUIP rendah.

Kajian mendapati penyertaan peserta antara bandar dan luar bandar terdapat perbezaan yang sangat ketara. Di daerah Jerantut pada tahun 2015 dan 2016 hanya 2 orang sahaja yang melibatkan diri dengan program bantuan modal dan peralatan. Malah bagi tahun 2017 dan 2018, tidak ada peserta yang terlibat. Begitu juga dengan daerah Lipis sejak tahun 2016 sehingga tahun 2018 tidak ada peserta asnaf yang terlibat. Begitu juga di daerah Cameron Highland. Beberapa perkara perlu dilihat secara terperinci faktor kurangnya minat di kalangan asnaf di Kawasan pendalaman atau di luar bandar terlibat dengan program keusahawanan MUIP.

Namun keseluruhannya bilangan peserta penerima modal bantuan dan peralatan ini meningkat saban tahun daripada 80 orang pada tahun 2015, namun pada tahun 2018 meningkat kepada 201 orang bagi semua daerah di negeri Pahang.

Jadual 1: Peserta Modal Bantuan MUIP

DAERAH	BIL ASNAF
BENTONG	3
BERA	4
CAMERON HIGHLANDS	1
CHENOR	5
JENGA	8
JERANTUT	2
KUANTAN	19
LIPIS	1
MARAN	2
MENTAKAB	1
MUADZAM SHAH	2
PEKAN	16
RAUB	3
ROMPIN	5
TEMERLOH	6
(blank)	2
Jumlah	80

Sumber: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Pahang (2020)

Bagi menjayakan program keusahawanan asnaf zakat fakir dan miskin MUIP telah melaksanakan kursus latihan kemahiran menjana pendapatan dengan kerjasama Kolej Komuniti dan Giat Mara kepada golongan asnaf. Daripada tahun 2015 sehingga Ogos 2019, sebanyak 705 peserta asnaf telah mendapat latihan kemahiran dan sebanyak 46 kursus telah diadakan dalam tempoh tersebut. MUIP turut memperuntukkan sebanyak RM577, 632.91 bagi menjayakan program ini yang melibatkan semua daerah di negeri Pahang. Angka tertinggi pada tahun 2017 seramai 228 orang asnaf yang dilatih. Sebahagian besar yang terlibat dengan kursus kemahiran ini adalah di kalangan para wanita.

Jadual 2: Kursus Keusahawanan Asnaf MUIP

TAHUN	BILANGAN KURSUS	JUMLAH PESERTA	JUMLAH (RM)
2015	8	85	117,958.00
2016	12	175	113,519.91
2017	13	228	177,845.15
2018	7	149	114,853.15
2019 (Ogos)	6	68	53,456.70
JUMLAH	46	705	577,632.91

Sumber: Majlis Agama Islam Pahang dan Adat Istiadat Pahang (2020)

Jadual 3: Bantuan Modal dan Peralatan (2015-2018)

BIL	DAERAH	2015		2016		2017		2018	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
1	KUANTAN	13	34,200.00	38	92,492.00	15	34,600.00	26	75,500.00
2	PEKAN	13	31,550.00	25	47,250.00	23	47,100.00	23	41,500.00
3	ROMPIN	12	29,350.00	10	23,800.00	19	39,500.00	24	51,600.00
4	MUADZAM SHAH	2	5,000.00	6	16,200.00	6	11,300.00	7	12,910.00
5	MARAN	1	2,000.00	7	16,600.00	9	15,300.00	12	16,800.00
6	CHENOR	6	14,100.00	6	10,850.00	2	1,500.00	23	59,100.00
7	BERA	2	3,300.00	3	5,100.00	8	16,850.00	14	29,250.00
8	TEMERLOH	11	33,000.00	14	36,000.00	18	44,900.00	10	19,300.00
9	JERANTUT	1	2,500.00	1	2,000.00	-	-	-	-
10	JENGKA	6	9,200.00	24	49,500.00	19	32,900.00	52	107,900.00
11	RAUB	6	13,500.00	5	10,800.00	3	9,000.00	5	16,700.00
12	BENTONG	4	12,500.00	2	7,250.00	4	10,000.00	2	3,900.00
13	LIPIS	2	5,500.00	-	-	-	-	-	-
14	CAMERON HIGHLANDS	1	3,000.00	-	-	1	3,000.00	3	8,600.00
	JUMLAH	80	198,700.00	141	317,842.00	127	265,950.00	201	443,060.00

Sumber: Majlis Agama Islam Pahang dan Adat Istiadat Pahang (2020)

PENUTUP

Zakat merupakan suatu instrumen kewangan dalam Islam yang berperanan penting bagi membantu golongan asnaf dalam menjalani kehidupan seharian. Agihan zakat boleh dikategorikan kepada dua; produktif dan tidak produktif. Selain agihan zakat tidak produktif, iaitu secara langsung kepada golongan asnaf, ianya juga boleh dimanfaatkan secara produktif untuk objektif jangka masa panjang melalui pembangunan program yang dapat memperbaiki taraf pendapatan seraya mengeluarkan asnaf dari garis kemiskinan.

Di dalam suasana ekonomi dan peluang kerja yang terhad masa kini yang dilihat kian mencengkam, suatu program keusahawanan asnaf zakat perlu segera direncanakan. Program yang dirangka perlu bersifat komprehensif dan holistik bagi mengatasi permasalahan dan kekangan yang dihadapi oleh golongan asnaf yang berminat bagi menceburi bidang keusahawanan dengan menitikberatkan aspek modal, kemahiran pengurusan perniagaan dan risiko, strategi pemasaran, dan pengurusan kewangan. Selain itu juga, bagi mendapatkan hasil yang optimum dan berkesan dalam membangunkan program keusahawanan asnaf zakat, aspek pemantauan berterusan perlu dilakukan. Ianya penting sebagai satu bentuk sokongan sosial bagi memastikan kemandirian setiap usahawan asnaf yang dibantu. Oleh itu, usahawan asnaf zakat yang inovatif, pandai mencari peluang serta berani untuk menanggung risiko boleh dilahirkan.

Sebagai kesimpulan, untuk membentuk dan membantu para asnaf untuk menjadi usahawan yang berjaya, pembangunan program keusahawanan berasaskan zakat perlu dinilai sebagai satu isu yang serius, dan tidak boleh ditangani secara bermusim. Justeru, satu model kerangka pembangunan ekonomi dan sosial yang berteraskan kepada konsep zakat melalui perancangan program jangka masa pendek dan panjang ini perlu segera direncanakan.

BIBLIOGRAFI

- Abai, D. S. A., Awang, M. D., Yusoff, A. N. M., Majid, A. A., & Hamli, H. (2020). Assistant Type of Capital Zakat Distribution and Achievement of Asnaf Entrepreneur in Malaysia: An Empirical Study. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93-99.
- Ab Rahman, A., Basah, M. Y. A., Abdullah, M., Nooh, M. N., & Fauzi, A. A. M. (2014). Keberkesanan program usahawan asnaf oleh institusi zakat dalam menginterpretasikan keharmonian ummah. In *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic*. Kuala Lumpur.
- Adnan, N. I. M., & Roselam, M. A. B. C. (2019). Pengagihan Dana Zakat Dalam Bentuk Pembiayaan Mikro Untuk Usahawan Miskin Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Afif Muhamat, A., Jaafar, N., Emrie Rosly, H., & Abdul Manan, H. (2013). An appraisal on the business success of entrepreneurial asnaf: An empirical study on the state zakat organization (the Selangor Zakat Board or Lembaga Zakat Selangor) in Malaysia. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 11(1), 51-63.
- Atef, T. M., and Al-Balushi, M. (2015). Entrepreneurship as a means for restructuring employment patterns. *Tourism and Hospitality Research*, 15(2), 73-90.
- Azman Ab Rahman (2014) Memformulasi Model Produktif Pembangunan Program Usahawan bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf, *Prosiding Perkem ke-9* (2014)
- Balwi, M. A. W. F. M., & Halim, A. H. A. (2008). Mobilisasi zakat dalam pewujudan usahawan asnaf: satu tinjauan. *Jurnal Syariah*, 16(Keluaran Khas), 567-584.
- Dabson, B. (2001). Supporting rural entrepreneurship. Exploring policy options for a new rural America, 38.
-

-
- Ezakat Muip (2019). Usahawan Asnaf. Diakses dilaman rasmi; <https://ezakat.muip.gov.my/zakatportal/?cat=159> pada 5 Mac 2020.
- Ibrahim, P. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2), 223-244.
- Isma Addi Jumbri, Mohamad Zahir Zainudin (2011). *Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir Dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor*.
- Fatimah Salwa Abd. Hadi, Nurhanie Mahjom, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad (2015) Prestasi Usahawan Asnaf Zakat Terhadap Program Pembangunan Ekonomi di Lembaga Zakat Selangor. *Al Qimah Al Mudhafah The Journal of Management and Science (ALQIMAH) Volume 1, Issue 1*
- Fatimah Salwa Abd. Hadi, Mohd Yahya Mohd Hussin, Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad, Mohamad Azahari Ahmad (2014). Faktor Penentu Prestasi Bukan Kewangan Usahawan Asnaf Zakat Di Negeri Selangor. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*.
- Friedman, R. E. (1987). The role of entrepreneurship in rural development, in B.W. Honadle and J.N. Reid, (Ed), *National Rural Entrepreneurship Symposium*, Southern Rural Development Centre, Knoxville, 1-6.
- Hisham b. Sabri & Zulkifli b. Hasan (2006), "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan", *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, Kuantan, 8-9 Ogos 2006 Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Kementerian pembangunan luar bandar (2018). *Pelan Harapan pembangunan Luar bandar 2018-2013*. Diakses dilaman rasmi; <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2018/11/Pelan-Harapan-Pembangunan-Luar-Bandar-2018-2023.pdf> pada 26 Januari 2020.
- Marzuki, N., Zulkifli, S., & Wahid, H. (2019). Pengukuran Kejayaan Bantuan Modal Perniagaan Usahawan Asnaf Dalam Konteks Pencapaian Maqāṣid Al-Sharī'ah: Kajian Di Daerah Kuala Terengganu Dan Kuala Nerus, Terengganu. *Jurnal Syariah*, 27(2).
- Meerangani, K. A., & Azman, U. K. Z. (2019). Transformasi Usahawan Asnaf Menerusi Program Pembangunan Ekonomi, Lembaga Zakat Selangor. *Jurnal ILMI*, 9(1), 15-29.
- Mohamad, M. R. (2000). *Industri kecil dan sederhana: landasan pembangunan usahawan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamed, N. H. S., Yusuf, S. N. S., & Zakaria, M. (2018). Management Control System in Asnaf Entrepreneurship Development Program by Lembaga Zakat Selangor. *Jurnal Pengurusan (UKM Journal of Management)*, 53.
- Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi, Adibah Hasanah Abd Halim (2008). Mobilisasi Zakat Dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan. *Jurnal Syariah*, Jil. 16, Keluaran Khas (2008) 567-584.
- Muhammad Haris Riyaldi (2012). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Asnaf Baitul Mal Aceh: Satu Analisis. dalam *International Graduate Workshop (INGRAW) 2012*.
- Muin, M. A. A., & Abdullah, S. Peranan Usahawan Sosial Berjaya Dalam Meningkatkan Dana Zakat Di Malaysia: Kesan Pembangunan Ekonomi Ummah. Diterbitkan oleh, Pusat Pungutan Zakat (PPZ).
- Nordin, I. A. & Che Ahmat, A. (2019). Strategi E-Pemasaran Dalam Transformasi Pemasaran Produk Usahawan Asnaf : Satu Cadangan. Dibentangkan dalam prosiding 1st Kedah International Zakat Conference, Kedah: Zakat Kedah.
-

- Norsida, M. (2008). Youths Farmers Perception towards the needs of Agriculture Education. *Journal Pembangunan Belia*, 1, 99-114.
- Nurul Ilyana Muhd Adnan, Zahri Hamat, Mohammad Zaini Yahaya, Mat Noor Mat Zain (2017). Agihan Zakat Secara Mikro Kredit: Analisis Daripada Perspektif Masalah. *Journal Of Contemporary Islamic Law*, Vol. 2(1)
- Rahman, R. A., & Ahmad, S. (2011). Strategi pembangunan keusahawanan asnaf fakir dan miskin melalui agihan bantuan modal zakat. *Jurnal Pengurusan*, 33, 37-44.
- Ruggles, D Fairchild (2003) , "Botany and the Agricultural Revolution" ,Gardens, landscape, and vision in the palaces of Islamic Spain ,Penn State University Press34–15 صفحات ، [31] ،ISBN 0-271-02247-7
- Sanep Ahmad (2012). Membangunkan Keusahawanan Asnaf : Analisis Konsep Model Pemindahan Teknologi, *Prosiding Perkem VII*, Jilid 1 (2012) 709 - 715
- Sahih al-Bukhari, 1/226, No. 2320. Sahih Muslim, 3/1188, no. 1552
- SME Corp. (2018). Laporan Tahunan PKS 2017/2018 Bab 2. Diakses dilaman rasmi; smecorp.gov.my/images/SMEAR/SMEAR2017/MALAY/SME%20AR%2017-18%20BM%20Final%20Bab%202.pdf. Diakses pada 26 Januari 2020
- Suhaila Nadzri, Nur Shakina Mohd Sultan, Nuzul Akhtar Baharudin. (2016). Kecenderungan Pelajar Asnaf Dalam Menceburi Dunia Keusahawanan. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)*.
- Yusof, A. A. (2000). *Usahawan dan keusahawanan: Satu penilaian*. Pearson Education.